

Hubungan antara manusia dengan alam merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Alam menyediakan ruang untuk kesejahteraan hidup manusia manakala manusia pula menyesuaikan diri dan berkongsi kehidupan dengan alam. Dalam hubungan yang saling bergantung ini, manusia sentiasa belajar daripada alam. Alam pula membekalkan manusia dengan ilmu yang dapat dijadikan sebagai iktibar untuk menjalani kehidupan.

Tanda Alam dan Kepercayaan Tradisional

Masyarakat India

Hal ini membolehkan masyarakat tradisional membentuk pelbagai kepercayaan berdasarkan unsur alam. Tanda alam merupakan kepercayaan yang dibentuk daripada pengamatan dan pengalaman mereka berhadapan dengan kejadian alam. Kepercayaan ini bertujuan untuk mendidik anggota masyarakat daripada mengenal pasti masalah dan mengambil inisiatif untuk mengelakkannya. Kepercayaan yang dibentuk daripada tanda alam ini berperanan sebagai panduan kepada diri, keluarga dan anggota masyarakat.

Dalam kalangan masyarakat India ini, pelbagai kepercayaan wujud bersandarkan pada tanda alam. Bunyi cicak, bunyi burung hantu, bunyi katak dan lolongan

anjing memiliki makna tertentu dan menguasai kehidupan masyarakat India. Begitu juga halnya apabila terdapat spesies serangga atau haiwan tertentu, seperti ular, biawak, rama-rama, kupu-kupu dan kelawar, memasuki rumah turut memperlihatkan makna yang tersendiri. Kepercayaan ini menjadi pegangan masyarakat India dan diwarisi secara turun-temurun.

Dalam menjalani kehidupan harian, apabila sesuatu kejadian berlaku melibatkan tanda alam, maka orang tua dalam keluarga pada kebiasaannya menghubungkaitkannya dengan kepercayaan nenek moyang. Apabila penjelasan ini terhasil daripada mulut orang tua dalam keluarga, maka mengukuhkan

penerimaan dan juga kepercayaan anggota keluarga terhadap perkara yang disampaikan.

Sebagai contohnya, menurut kepercayaan masyarakat India, bunyi cicak ketika seseorang bercakap melambangkan cicak itu mengiakan percakapan, dan bunyi katak secara berterusan melambangkan panggilan hujan. Bunyi gagak berhampiran rumah dilihat sebagai tanda kunjungan saudara-mara atau kenalan,



manakala bunyi burung hantu pada waktu malam pula dikaitkan dengan berita buruk berhubung dengan kematian. Lolongan anjing pada waktu malam sering pula dikaitkan dengan kehadiran makhluk halus.

Begitu juga dengan kepercayaan yang dibentuk dan dihubungkan dengan situasi binatang tertentu memasuki rumah atau tersesat di dalamnya. Sebagai contohnya, kemasukan belalang dikaitkan dengan elemen sihir atau tanda buatan orang. Kehadiran rama-rama, kupu-kupu, pematung dan burung pula dipercayai membawa kunjungan saudara-mara atau kenalan. Ular dan biawak yang memasuki rumah pula dikaitkan dengan kesusahan yang bakal menimpa. Kelawar yang memasuki rumah dikaitkan dengan petanda buruk melambangkan kematian akan berlaku.

Lebih daripada itu, burung pipit yang membuat sarang di rumah dianggap membawa kebaikan,

maka tidak diceraikan sarangnya sehingga burung bertelur, menetas, anak burung membesar dan meninggalkan sarang. Terdapat juga individu yang terus membiarkan sarang tersebut tanpa diusik. Cicak yang jatuh di atas kepala khususnya atau pada tubuh badan melambangkan masalah besar bakal menimpa. Dalam hal ini, sebarang perjalanan untuk urusan tertentu akan dibatalkan atau ditangguhkan buat sementara waktu.

Begitu juga halnya apabila kucing, lebih-lebih lagi yang berwarna hitam, melintas jalan ketika memulakan perjalanan. Hal ini melambangkan petanda buruk dan dipercayai urusan yang bakal dilakukan akan mencapai kegagalan. Oleh sebab itu, timbul keperluan untuk membatalkan atau menangguhkan urusan tersebut. Jika urusan terlalu penting dan terpaksa juga diteruskan, maka seseorang akan menangguhkan urusan tersebut selama beberapa

minit sebelum meneruskan urusan tersebut.

Jika diteliti secara mendalam, setiap tanda alam dan kepercayaan yang dibentuk mempunyai mesej tertentu yang ingin disampaikan kepada anggota masyarakat. Sebagai contohnya, kehadiran rama-rama selain bunyi gagak berhampiran rumah yang melambangkan kedatangan saudara-mara atau kenalan berpaksi kepada nasihat untuk menjaga kebersihan dan kekemasan rumah setiap masa. Sarang burung pipit yang tidak diceraikan merujuk kepada keperluan sikap bersimpati dan membantu golongan yang lemah. Perkara ini juga mengukuhkan falsafah kebaikan akan dibalas dengan kebaikan, dan sebaliknya.

Kemasukan kelawar ke dalam rumah yang dikaitkan dengan aspek kematian pula menekankan risiko penyakit yang bakal dihasilkan kelawar melalui gigitan atau air liurnya. Ular dan biawak yang



Kepercayaan terhadap tanda alam menjadi pegangan bagi masyarakat India.



Tanda alam mempengaruhi budaya kehidupan masyarakat India.

memasuki rumah pula dikaitkan dengan kesusahan yang bakal ditimpa keluarga. Dari segi logiknya, bisa ular boleh membunuh seseorang dan biawak boleh menggigit serta mencederakan orang. Tanda alam ini juga menjadi panduan kepada anggota masyarakat agar pintu rumah tidak dibiarkan terbuka tanpa perhatian bagi mengelakkan kemasukan haiwan liar, selain mengelakkan sebarang kecurian.

Situasi cicak jatuh atas kepala atau tubuh seseorang pula lebih menjurus kepada aspek kesihatan kerana bahaya toksin yang dikeluarkan oleh cicak sewaktu percubaan untuk melepaskan diri mampu memberikan kesan buruk kepada manusia. Tingkah laku anjing menyalak berpanjangan pada waktu malam yang dikaitkan dengan makhluk halus pula memberikan panduan kepada anggota masyarakat untuk

mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan kecurian, dan sebagai nasihat untuk tidak keluar rumah pada waktu malam.

Tindakan membatalkan atau menangguhkan kerja jika dilintas oleh kucing juga mempunyai alasan tersendiri. Kucing dianggap mempunyai kuasa negatif dan dipercayai tenaga negatif ini akan menghalang urusan seseorang. Dengan timbulnya perasaan negatif sebegini, sudah pasti seseorang tidak berasa selesa dengan urusan yang ingin dilakukan. Tindakan membatalkan atau menangguhkan kerja seketika menjelaskan kepentingan hati yang selesa dan tenteram ketika menjalankan urusan. Dalam hal ini, seseorang dapat berehat seketika di samping menenteramkan hati dan minda sebelum meneruskan perjalanan.

Selain itu, terdapat juga rasional

lain di sebalik tindakan membatalkan atau menangguhkan kerja jika dilintas oleh kucing. Apabila kucing melintas jalan dengan pantas, maka terdapat kemungkinan bahawa kucing itu sedang mengejar tikus yang juga menjadi makanan ular yang mungkin menyusur di belakang kucing. Maka itu, petanda alam ini digunakan untuk melindungi seseorang daripada bahaya. Faktor keselamatan mendasari tanda alam ini.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa tanda alam amat mempengaruhi budaya kehidupan masyarakat India melalui kepercayaan yang dibentuk. Yang pastinya, tanda alam ini bertindak sebagai unsur nasihat dan pengajaran yang bermakna dalam melentur pemikiran dan tingkah laku anggota masyarakat ke arah kebaikan. Begitu juga hakikatnya dalam semua masyarakat bahawa kepercayaan yang dibentuk oleh orang tua-tua daripada tanda alam pasti memperlihatkan makna simbolik yang memiliki nilai bagi ketamadunan dan keagungan masyarakat tersebut.

Walau bagaimanapun, tanda alam dan kepercayaan yang merupakan khazanah warisan ini dapat dikatakan tidak begitu popular dalam kalangan generasi muda. Generasi muda hari ini yang lahir dan membesar di kawasan bandar misalnya kurang terdedah dengan kepercayaan lama berhubung dengan tanda alam.

Apabila sesuatu kepercayaan dibentuk oleh masyarakat tradisional hasil daripada pengamatan terhadap alam, maka sudah pasti ada alasan tertentu di sebalik penghasilan ilmu tersebut. Tidak mungkin kepercayaan ini dicipta untuk mengelirukan anggota masyarakat.

Malah, golongan ini juga tidak mungkin dapat menggambarkan perkaitan alam dengan manusia kerana kurangnya pendedahan terhadap alam semula jadi.

Tanda alam seperti bunyi burung, ular, rama-rama, kupu-kupu dan kelawar yang memasuki rumah merupakan suatu yang

sukar diperhatikan di kawasan bandar. Apatah lagi untuk menghayati asas pemahaman di sebalik kepercayaan tersebut apabila kehidupan moden amat jauh daripada pengaruh kehijauan alam yang menjadi habitat flora dan fauna.

Situasi ini mungkin berbeza dengan generasi yang menetap di luar bandar yang masih dapat menghirup udara segar dan lambaian pohon-pohon yang menghijau. Alam masih dekat dengan golongan ini dan hal ini memudahkan gambaran pemahaman berhubung dengan kepercayaan tanda alam. Pengalaman tertentu berkaitan dengan tanda alam ini juga mudah dilalui dan hal ini dapat mengukuhkan penyampaian kepercayaan ini oleh ibu bapa atau orang tua dalam keluarga.

Bagi sesetengah individu, mungkin tanda alam ini dilihat sebagai suatu yang tidak logik dengan penjelasan tersurat yang diberikan oleh orang tua-tua akibat tiadanya bukti sahih bagi menyokong kepercayaan tersebut.


Namun demikian, seperkara yang perlu diingatkan adalah tiada juga jaminan untuk menjelaskan bahawa perkara ini tidak akan berlaku. Dalam aspek ini, perlu ada ruang untuk memahami tujuan tanda alam

dikaitkan dengan kepercayaan.

Apabila sesuatu kepercayaan dibentuk oleh masyarakat tradisional hasil daripada pengamatan terhadap alam, maka sudah pasti ada alasan tertentu di sebalik penghasilan ilmu tersebut. Tidak mungkin kepercayaan ini dicipta untuk mengelirukan anggota masyarakat. Oleh hal yang demikian, makna tersirat yang terhimpun di sebalik setiap kepercayaan tersebut perlu difahami dan dihayati.

Pada masa yang sama kita perlu akur bahawa ada kalanya bukan semua perkara yang berlaku di alam nyata dan menjadi kepercayaan dapat digeneralisasikan kepada semua situasi dengan andaian bahawa hal tersebut pasti akan berlaku. Disebabkan itulah dikenali sebagai “kepercayaan” dan bukannya “kebenaran mutlak”. Walaupun begitu, kepercayaan itu digunakan dengan harapan agar perkara negatif tidak berulang atau musibah tertentu dapat dielakkan oleh anggota masyarakat demi kehidupan yang harmoni.

Pada era serba moden ini, tidak salah bagi seseorang individu untuk mengabaikan kepercayaan tertentu yang tidak lagi sesuai dengan masa ini. Namun demikian, amat penting untuk khazanah warisan ini terus diingati dan dihayati sumbangannya terhadap kelangsungan hidup masyarakat, selain diperingatkan nilainya kepada generasi akan datang sebagai lambang identiti bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana tanda alam melambangkan kearifan tempatan dan kebijaksanaan masyarakat tradisional dalam mengatur kehidupan yang harmoni. Elemen inilah yang membuktikan asal usul kehidupan dan menjadi kayu ukur kepada peradaban serta ketamadunan setiap bangsa. DB



Kehadiran rama-rama di dalam rumah membawa petanda kehadiran saudara atau rakan-rakan.